

SIARAN MEDIA

16 MAC 2026

ALAM FLORA: KUTIPAN SISA DOMESTIK KUALA LUMPUR NAIK 23% SEPANJANG 1–25 RAMADAN 2026, PUTRAJAYA STABIL, PAHANG MENURUN

Kuala Lumpur, 16 Mac 2026 – Alam Flora Sdn. Bhd. (Alam Flora), sebahagian daripada teras perniagaan di bawah Malakoff *Environmental Solutions*, merekodkan kutipan sisa domestik bagi tempoh 1 hingga 25 Ramadan 2026, sebanyak **45,108.31 tan metrik di Kuala Lumpur, 2,793.04 tan metrik di Putrajaya** dan **13,618.59 tan metrik di Pahang**. Berbanding tempoh yang sama pada **2025**, kutipan di **Kuala Lumpur meningkat kira-kira 23%** berbanding **36,797.55 tan metrik**, manakala **Putrajaya kekal stabil** dengan sedikit penurunan sekitar **2%** daripada **2,861.36 tan metrik**. **Pahang pula mencatatkan penurunan sekitar 28%** berbanding **18,841.18 tan metrik** pada tahun sebelumnya.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora, Shariman Yusuf Mohamed Zain, makanan yang tidak dihabiskan atau berlebihan yang dijual di bazar-bazar Ramadan merupakan antara penyumbang tertinggi kepada peningkatan kutipan sisa selain daripada plastik bungkusan dan polisterin. Melalui **kempen Tapau Elak Sisa**, kami menggalakkan orang ramai membawa bekas makanan sendiri atau menggunakan tiffin. Usaha ini bukan sahaja dapat mengurangkan sisa, malah memupuk amalan penggunaan semula yang lebih lestari.

Berdasarkan statistik dari tahun 2024 hingga 2026, trend kutipan sisa pepejal sepanjang bulan Ramadan menunjukkan peningkatan yang ketara, terutamanya di kawasan berkepadatan tinggi seperti Kuala Lumpur. Namun begitu, dianggarkan sehingga 60 peratus sisa makanan sebenarnya boleh dielakkan sekiranya orang ramai mengamalkan perancangan pembelian serta kaedah penyimpanan makanan yang betul.

"Bagaimanapun, kerjasama daripada semua pihak tetap diperlukan untuk membantu menjaga kebersihan di kawasan masing-masing. Sebagai contoh, sisa makanan dan sisa kitar semula perlu diasingkan, diikat dengan kemas dalam beg plastik yang sesuai dan diletakkan di tepi tong pada hari kutipan untuk barangan kitar semula selaras dengan program pengasingan sisa daripada punca oleh kerajaan," tegas Shariman Yusuf.

Alam Flora menyeru orang ramai untuk menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan Alam Flora di talian 1-800-88-7472 yang beroperasi setiap hari dari jam 8.00 pagi sehingga 8.00 malam

untuk berkongsi maklumat tahap kebersihan di kawasan masing-masing supaya tindakan susulan yang bersesuaian boleh diambil.

Tahun	Kuala Lumpur (Tan Metrik)	Putrajaya (Tan Metrik)	Pahang (Tan Metrik)
2024	48, 290	2,762	15, 246
2025	36, 797	2,861	18, 841
2026	45,108	2,793	13,618

*Kutipan Sisa Domestik 2024 – 2026 (Tahun) di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Pahang (Tan Metrik)
*dari 1 hingga 25 Ramadan**

MENGENAI ALAM FLORA SDN BHD:

Ditubuhkan pada tahun 1995, Alam Flora Sdn. Bhd. (Alam Flora) merupakan salah satu syarikat pengurusan alam sekitar terkemuka di Malaysia yang komited membantu komuniti mengurus dan mengurangkan sisa dengan impak minimum terhadap alam sekitar. Sebagai anak syarikat kepada Malakoff Corporation Berhad (Malakoff), Alam Flora memainkan peranan penting dalam menyokong agenda kelestarian negara melalui penyelesaian pengurusan sisa dan alam sekitar. Sebagai pemegang konsesi terbesar di bawah program penswastaaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam negara, Alam Flora menyediakan perkhidmatan menyeluruh di kawasan konsesinya di Semenanjung Malaysia, iaitu **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, serta negeri Pahang**. Syarikat ini menguruskan ribuan tan sisa setiap hari sambil aktif mempromosikan amalan kitar semula dan kelestarian melalui pelbagai inisiatif, termasuk Fasiliti Inovasi Kitar Semula (FIKS). Alam Flora merupakan pemacu utama kepada matlamat alam sekitar negara melalui kutipan dan pelupusan sisa yang cekap serta inisiatif libat urus komuniti yang mendorong pengurusan sisa secara bertanggungjawab dan amalan ekonomi kitaran.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Suriati Mohammad Mokhtar

Ketua Jabatan Kumpulan Komunikasi Korporat & Penjenamaan, Malakoff Corp. Berhad

Mobile: +6012-226 5799

Email: suriati.mokhtar@malakoff.com.my

PRESS RELEASE

16 MARCH 2026

ALAM FLORA: DOMESTIC WASTE COLLECTION RISES IN KUALA LUMPUR DURING 1–25 RAMADAN 2026, PUTRAJAYA STABLE, PAHANG DECLINES

Kuala Lumpur, 16 March 2026 – Alam Flora Sdn. Bhd. (Alam Flora), a core business pillar under Malakoff Environmental Solutions, recorded domestic waste collection of **45,108.31 metric tonnes in Kuala Lumpur, 2,793.04 metric tonnes in Putrajaya and 13,618.59 metric tonnes in Pahang** for the period **1 to 25 Ramadan 2026**. Compared with the same period in **2025**, waste collection in **Kuala Lumpur increased by approximately 23%** from **36,797.55 metric tonnes**, while **Putrajaya remained largely stable**, registering a marginal decline of about **2%** from **2,861.36 metric tonnes**. **Pahang, however, recorded a decrease of approximately 28%** compared with **18,841.18 metric tonnes** in the previous year.

According to the Chief Executive Officer of Alam Flora, Shariman Yusuf Mohamed Zain, leftover or untouched food sold at Ramadan bazaars is one of the highest contributors to the increase in waste collection, alongside plastic packaging and polystyrene. Through the **“Tapau Elak Sisa” campaign**, we encourage the public to bring their own food containers or use tiffin carriers. This initiative not only helps reduce waste but also fosters more sustainable reuse practices.

Based on statistics from 2024 to 2026, solid waste collection during Ramadan has shown an upward trend, particularly in high-density areas such as Kuala Lumpur. Notably, up to 60% of food waste could be avoided through better food planning, purchasing and storage practices.

"However, cooperation from all parties is still needed to help maintain cleanliness in their respective areas. For example, food waste and recyclables need to be separated, securely tied in suitable plastic bags and placed beside the bin on collection days for recycling items in line with the government's waste separation programme," emphasized Shariman Yusuf.

Alam Flora urges the public to contact the Alam Flora Customer Service Center at 1-800-88-7472, which operates every day from 8.00 am to 8.00 pm, to share information on the cleanliness level in their respective areas so that appropriate follow-up actions can be taken.

Year	Kuala Lumpur (Tonne Metric)	Putrajaya (Tonne Metric)	Pahang (Tonne Metric)
2024	48,290	2,762	15,246
2025	36,797	2,861	18,841
2026	45,108	2,793	13,618

Solid Waste Collection 2024 - 2025 (Years) in Kuala Lumpur, Putrajaya and Pahang (Metric Tonnes)

From 1 to 25 Ramadan

ABOUT ALAM FLORA SDN BHD:

*Incorporated in 1995, Alam Flora Sdn. Bhd. (Alam Flora) is one of Malaysia's leading environmental management companies, dedicated to helping communities manage and reduce waste with minimal environmental impact. A subsidiary of Malakoff Corporation Berhad (Malakoff), Alam Flora plays a central role in supporting the nation's sustainability agenda through its waste management and environmental solutions. As the largest concession holders under Malaysia's national solid waste management and public cleansing privatisation programme, Alam Flora provides comprehensive services across its concession areas in Peninsular Malaysia, namely the **Federal Territories of Kuala Lumpur and Putrajaya, and the state of Pahang**. The company manages thousands of tonnes of waste daily, while actively promoting recycling and sustainable practices through various initiatives, including the Fasiliti Inovasi Kitar Semula (FIKS). It is a key enabler of Malaysia's environmental goals through efficient collection, disposal and community engagement initiatives that drive responsible waste management and circular economy practices.*

For more information, please contact:

Suriati Mohammad Mokhtar

Head, Group Communications & Branding, Malakoff Corp. Berhad

Mobile: +6012-226 5799

Email: suriati.mokhtar@malakoff.com.my